

**KOMPOSISI JINGLE: TAMAN JUBLI BUKIT AUP DAN
KEMPEN ANTI-ALKOHOL**

SHARON STEPHANIE ANAK JUWEEK

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: **Komposisi Jingle: Taman Jubli Bukit Aup Dan Kempen Anti-Alkohol**

SESI PENGAJIAN 2006/2007

Saya **SHARON STEPHANIE ANAK JUWEEK**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi

5. *sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Alamat Tetap:

4F, Lorong Indah 1a,
Jalan Teku,
96000 Sibu, Sarawak

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda

* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk **Komposisi Jingle: Taman Jubli Bukit Aup dan Kempen Anti-Alkohol** telah disediakan oleh **Sharon Stephanie Anak Juweek** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian dalam program **Muzik**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

Dr. Hasnizam Abdul Wahid

Tarikh:

PENGAKUAN

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian penyelidikan, dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu Ijazah atau kelulusan samada kepada Universiti ini atau Institusi pengajian tinggi lain.

..

(SHARON STEPHANIE ANAK JUWEEK)

No. Matrik : 12927

PENGHARGAAN

Puji dan syukur saya kepada Tuhan yang Maha Kuasa di atas limpah kurnia dan berkat yang diberikan di dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Projek ini telah berjalan dengan lancar serta sempurna atas sokongan dari pelbagai pihak dan individu. Terima kasih diucapkan kepada penyelia saya dan juga pensyarah program muzik yang lain di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang menyiapkan projek tahun akhir ini.

Sokongan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh ahli keluarga saya iaitu Encik Juweek Numeh, Puan Sempandai Tawi, Jacqueline Lynn, Roy Stewart, dan Sylvia yang telah membantu saya di dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Min Padok, Daisy Bato, Goldie Gayah, Patricia Elyani dan seluruh rakan-rakan kelas muzik yang lain. Ucapan terima kasih yang tak terhingga juga kepada Glen, Susane Onda Jantin, Wesley Blaja, Jessica Mapong, dan Agnes Leha.

Akhir sekali, kepada sesiapa sahaja yang telah menyokong saya baik secara langsung atau tidak langsung, jutaan terima kasih saya ucapkan dan semoga mereka akan diberkati selalu.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

| | |
|-------------------------------------|----------|
| Tajuk Tesis | i |
| Borang Pengesahan Status Tesis | ii |
| Pengesahan dan Tandatangan Penyelia | iii |
| Pengakuan | iv |
| Penghargaan | v |
| Isi Kandungan | vi |
| Abstrak | x |
| <i>Abstract</i> | xi |
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.0 Pengenalan | |
| 1.0.1 Taman Jubli Bukit Aup | 1 |
| 1.1.2 Kempen Anti-Alkohol | 3 |
| 1.1 Permasalah Kajian | 6 |
| 1.2 Objektif Kajian | 7 |
| 1.3 Matlamat Kajian | 8 |
| 1.4 Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.5 Batasan Kajian | 9 |
| 1.6 Definisi <i>Jingle</i> | 10 |

| | |
|---|-----------|
| BAB 2 KAJIAN LEPAS | 12 |
| | |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | 14 |
| 3.0 Fotografi | 14 |
| 3.1 Penglibatan dan Pemerhatian | 16 |
| 3.2 Instrumen Kajian | 16 |
| 3.3 Data Sekunder | 17 |
| | |
| BAB 4 DAPATAN KAJIAN | 18 |
| 4.0 Penghasilan <i>Storyboard</i> | 18 |
| 4.1 Proses Penggambaran Secara Visual atau <i>Shooting</i> | 19 |
| 4.1.1 Taman Jubli Bukit Aup | 20 |
| 4.1.2 Kempen Anti-Alkohol | 20 |
| 4.2 Teknik Penggambaran Secara Visual | 22 |
| 4.3 Penggunaan Trikaki atau <i>Tripod</i> | 24 |
| 4.4 Pemprosesan Sumber Bahan | 28 |
| 4.5 Proses Penyuntingan atau <i>Editing</i> | 30 |
| 4.5.1 Penggunaan Warna pada Visual | 33 |
| 4.5.2 Penggunaan Tulisan atau <i>Font</i> pada Visual | 37 |
| 4.5.2.1 Taman Jubli Bukit Aup | 38 |
| 4.5.2.2 Kempen Anti-Alkohol | 43 |

| | |
|---|-----------|
| 4.5.3 Penggunaan Warna pada Tulisan | 45 |
| 4.5.3.1 Taman Jubli Bukit Aup | 47 |
| 4.5.3.2 Kempen Anti-Alkohol | 48 |
| 4.5.4 Penggunaan <i>Effect</i> pada Visual | 49 |
| 4.5.4.1 Taman Jubli Bukit Aup | 50 |
| 4.5.4.2 Kempen Anti-Alkohol | 51 |
| 4.6 Proses Penghasilan Melodi | 52 |
| 4.7 Proses Penghasilan Skor | 54 |
| 4.8 Perbincangan Skor | 56 |
| 4.8.1 Taman Jubli Bukit Aup | 58 |
| 4.8.2 Kempen Anti-Alkohol | 64 |
| 4.9 Proses Penggabungan Sumber Bahan | 74 |
| BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN | 75 |
| 5.0 Pendahuluan | 75 |
| 5.1 Cadangan | 76 |
| 5.1.1 Jenis Kamera yang Digunakan | 77 |
| 5.1.2 Teknik Rakaman atau Penggambaran | 77 |
| 5.1.3 Penggambaran Dijalankan Berdasarkan <i>Storyboard</i> | 78 |
| 5.1.4 Kesesuaian Tempat dan Situasi | 78 |
| 5.1.5 Kesesuaian Melodi yang Digubah | 78 |
| 5.2 Penutup | 79 |

| | |
|------------|---------|
| Glosari | 80 |
| Rujukan | 82 |
| Lampiran | 86 |
| Lampiran 1 | 87-91 |
| Lampiran 2 | 92-96 |
| Lampiran 3 | 97-116 |
| Lampiran 4 | 117-130 |

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menghasilkan dua komposisi *jingle*. Komposisi *jingle* yang pertama bertajuk Taman Jubli Bukit Aup dan komposisi *jingle* yang kedua adalah mengenai Kempen Anti-Alkohol. Objektif utama penghasilan komposisi *jingle* ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan Taman Jubli Bukit Aup sebagai sebuah taman keluarga dan juga Kempen Anti-Alkohol untuk mewujudkan kesedaran melalui gambaran secara visual.

ABSTRACT

The outcome of this research is to produce two jingle compositions. One titled “Bukit Aup” Jubilee Park and second jingle composition is about anti-alcohol campaign. The main objective of this jingles composition is to introduce “Bukit Aup” Jubilee Park, as a family park, and for the Anti-Alcohol to create an awareness of anti-alcohol campaign through visual description.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

1.0.1 TAMAN JUBLI BUKIT AUP

Komposisi *jingle* yang pertama dihasilkan adalah mengenai Taman Jubli Bukit Aup. Berdasarkan kepada *Isarawak* yang mengeluarkan petikan berita yang bertajuk *Sibu-Tour-Bukit Aup Jubilee Park* pada 30 Ogos 2006 menyatakan bahawa Taman Jubli Bukit Aup merupakan sebuah taman rekreasi yang terletak kira-kira 12 km dari Bandar Sibu.

Selain itu, berdasarkan kepada Majlis Perbandaran Sibu atau *Sibu Municipal Council (SMC)*, fasa pertama pembinaan Taman Jubli Bukit Aup meliputi keluasan kira-kira lapan ekar, yang siap pada Mac 1993 dengan kos kira-kira RM3 juta. Manakala pembinaan Taman Jubli Bukit Aup bagi fasa yang kedua pula meliputi keluasan kira-kira 14 ekar dan siap pada Julai tahun 1997 dengan kos kira-kira RM4 juta.

Merujuk kepada maklumat yang dikeluarkan oleh *Inview Network Sdn.Bhd* yang bertajuk *Place of Interest*, taman ini telah menjadi tempat kunjungan utama penduduk-penduduk di Bandar Sibu untuk beriadah dan melapangkan fikiran mereka terutamanya semasa hujung minggu dan cuti umum. Pembinaan bagi fasa yang pertama adalah terdiri daripada menara tinjau, *sky steps*, astaka, panggung terbuka, taman landskap, kantin, taman permainan kanak-kanak, trek untuk berjoging, tempat berteduh, tandas dan tempat untuk

barbeku. Taman Jubli Bukit Aup akan meliputi lebih daripada 200 ekar apabila ia siap sepenuhnya.

Selain itu, merujuk kepada *Sibu, Sarawak-Destinations*-Taman Jubli Bukit Aup, lokasi pembinaan Taman Jubli Bukit Aup ini terletak pada Jalan Kuari dengan ukuran 24 ekar persegi. Jarak ke taman ini mengambil masa selama 25 minit dari Bandar Sibu dan tiada bayaran dikenakan kepada pengunjung yang berkunjung ke taman ini.

Berdasarkan kepada John Tiong yang menulis sebuah artikel yang dikeluarkan oleh *Travel Your Companion for Malaysian Vacations* ada menyatakan bahawa, Taman Jubli Bukit Aup terbukti sebagai sebuah taman awam yang terkenal apabila berjaya merangkul anugerah *National Landscaping Competition* pada tahun 1998 dan juga turut memenangi beberapa anugerah di peringkat kebangsaan.

1.0.2 KEMPEN ANTI-ALKOHOL

Manakala komposisi *jingle* yang kedua adalah berkaitan dengan Kempen Anti-Alkohol yang memang sudah lama dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Namun kesedaran di kalangan masyarakat masih belum berada pada tahap yang memuaskan dan sambutan masyarakat terhadap kempen sedemikian adalah kurang. Kempen Anti-Alkohol ini merupakan salah satu *jingle* yang berkaitan dengan *public service* atau khidmat awam.

Memandangkan tahap kesihatan masyarakat berada pada tahap yang tidak memuaskan maka Kempen anti-alkohol ini telah dipilih menjadi tajuk kedua dalam komposisi *jingle* pengkarya.

Alkohol mendatangkan kesan yang boleh memudaratkan kesihatan manusia sekiranya di ambil di dalam kuantiti yang banyak. Hal yang demikian kerana alkohol mengakibatkan keseluruhan sistem saraf menjadi kurang peka, iaitu memperlahangkan gerak balas otot-saraf dan melambatkan reaksi.

Menurut Choo Yan Tong et al. (1997), pengambilan alkohol di dalam kuantiti yang banyak juga boleh merosakkan hati, buah pinggang, dan akhirnya otak. Bukan itu sahaja, alkohol boleh membawa kepada ketagihan kepada individu yang meminum minuman beralkohol ini. Penagih alkohol bukan sahaja memudaratkan kesihatan malahan ia juga boleh menimbulkan masalah yang mengganggu keharmonian sosial di dalam masyarakat.

Berdasarkan kepada *Malaysian Society of Hypertension* yang mengeluarkan risalah yang bertajuk “Adakah Anda Diancam Oleh Risiko Tekanan Darah Tinggi?”, ada mengemukakan bahawa pengambilan minuman beralkohol boleh mengakibatkan penyakit Hipertensi atau tekanan darah tinggi, yang mana ia berlaku apabila tekanan darah berada pada tahap yang lebih tinggi daripada tahap normal. Tekanan darah yang tidak terkawal merupakan faktor utama kepada penyakit angin ahmar dan juga salah satu daripada tiga faktor serangan jantung. Penyakit Hipertensi atau tekanan darah tinggi mengakibatkan jantung terpaksa bekerja lebih untuk memastikan darah dialirkan ke seluruh badan. Ini akan menyebabkan penambahan tekanan pada dinding arteri. Oleh hal yang demikian, dalam jangka masa yang panjang, hipertensi yang tidak terkawal akan mengakibatkan kerosakan organ dalaman seperti jantung, otak, buah pinggang dan mata.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada *Malaysian Society of Hypertension* lagi, Hipertensi adalah pembunuhan senyap yang tidak menunjukkan tanda-tanda yang ketara. Walau bagaimanapun, ketiadaan tanda-tanda yang ketara ini bukanlah bermakna seseorang individu dan juga masyarakat boleh mengabaikan kesihatan mereka. Hipertensi merupakan penyakit yang tidak boleh diubati sepenuhnya tetapi boleh dikurangkan dengan berkesan sehingga ke tahap normal dengan mengubah gaya hidup, pengambilan ubat berterusan bagi individu yang sudah menghidapi tekanan darah tinggi atau kedua-duanya sekali. Mengamalkan cara hidup yang sihat dengan mengurangkan pengambilan minuman beralkohol merupakan salah satu amalan yang perlu diamalkan oleh semua ahli masyarakat.

Manakala merujuk kepada risalah yang bertajuk “Hipertensi”, yang dikeluarkan oleh *Novartis Corporation (Malaysia) Sdn.Bhd*, telah menegaskan bahawa tekanan darah tinggi atau hipertensi adalah faktor utama risiko serangan jantung. Arteri berperanan membawa darah beroksigen ke otot jantung. Sekiranya jantung tidak mendapat cukup oksigen, sakit dada atau lebih dikenali sebagai ‘angina’ boleh berlaku. Jika aliran darah tersekat, serangan jantung terjadi. Ia juga merupakan faktor utama kegagalan jantung kongestif. Oleh hal yang demikian, bagi seseorang yang gemar minuman beralkohol adalah digalakkan supaya berhenti dari meminum minuman beralkohol itu atau meminum pada kadar yang sederhana.

Dalam pada itu, merujuk kepada risalah yang bertajuk *Get Your Fat Facts Right* yang dikeluarkan oleh *CMPMedica Medical Education*, di bawah tajuk *Risk Factors Associated with Developing Heart Disease* ada menyatakan perkaitan penyakit jantung yang disebabkan oleh pengambilan minuman beralkohol yang berlebihan oleh seseorang individu. Pengambilan minuman yang mengandungi alkohol merupakan faktor yang boleh mewujudkan penyakit jantung.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kajian ini, permasalahan yang ingin didedahkan adalah berkaitan dengan masalah semasa membuat penggambaran secara visual mengenai Taman Jubli Bukit Aup dan Kempen Anti-Alkohol. Permasalahan yang dimaksudkan itu adalah permasalahan pengendalian kamera yang tepat dan juga teknik-teknik penggambaran yang sesuai untuk setiap *shot* yang ingin diambil.

Di samping itu, permasalahan yang lain adalah mengalami kesukaran untuk mencari melodi yang bersesuaian dengan rakaman visual yang dipilih. Kesesuaian yang dimaksudkan ini adalah berkaitan dengan jenis *genre* yang sesuai untuk melodi yang telah dihasilkan bagi visual yang telah dirakam itu.

Masalah lain yang mungkin dihadapi selepas penghasilan karya adalah kemungkinan samada komposisi *jingle* berkaitan dengan Taman Jubli Bukit Aup dan juga Kempen Anti-Alkohol difahami serta menarik perhatian orang ramai atau sebaliknya.

Persoalan juga mungkin timbul berkenaan dengan prosedur-prosedur yang dihadapi oleh pengkarya sebelum penggambaran bagi komposisi *jingle* Kempen Anti-Alkohol. Hal yang demikian, pengkarya terpaksa meminta kebenaran dan mematuhi segala prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Hospital Sibu, Sarawak.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan Taman Jubli Bukit Aup kepada orang ramai terutamanya pengunjung dari Malaysia dan juga luar negara. Di samping itu, secara tidak langsungnya komposisi *jingle* ini akan mempromosikan Bandar Sibu. Penghasilan komposisi *jingle* ini juga bertujuan untuk menarik pengunjung berkunjung ke Taman Jubli Bukit Aup.

Komposisi *jingle* Kempen Anti-Alkohol pula bertujuan untuk memupuk kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya minuman beralkohol seperti arak, bir dan sebarang minuman yang boleh memabukkan dan juga menjelaskan kesihatan mereka.

Bukan itu sahaja, tujuannya yang lain adalah untuk memupuk amalan supaya tidak membazir dikalangan masyarakat yang menghabiskan wang ringgit mereka dengan membeli minuman beralkohol itu.

Selain itu, penghasilan komposisi *jingle* bertujuan untuk mengaplikasikan segala pengetahuan dan mempertingkatkan kemahiran dalam bidang yang diceburi seperti Vokal dan Ensemبل muzik I,II,III,IV dan V atau *Musical Instrument Digital Interface* (MIDI). Selain itu, pengetahuan dan kemahiran yang lain adalah seperti teori muzik, kajian dan analisa teori dan juga harmoni moden.

Di samping mempelajari dan mendalami asas-asas muzik, penghasilan komposisi *jingle* ini juga bertujuan untuk mendalami selok-belok cabang seni persembahan yang lain seperti bidang sinematografi iaitu menerusi proses penggambaran secara visual atau ‘*shooting*’.

1.3 MATLAMAT KAJIAN

Matlamat utama dalam menghasilkan komposisi *jingle* ini adalah untuk memperkenalkan Taman Jubli Bukit Aup kepada orang ramai dan juga memperkenalkan Kempen Anti-Alkohol ini kepada masyarakat.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Komposisi *jingle* yang ingin dihasilkan ini bertujuan untuk menjadikan komposisi ini sebagai landasan dalam mengaplikasikan asas-asas muzik seperti teori muzik, *oral training* serta kajian analisa teori dan juga bidang teknologi seperti Vokal dan Ensemبل muzik I,II,III,IV dan V atau *Musical Instrument Digital Interface* (MIDI) dengan pengaplikasian teknik-teknik *sequencing* iaitu cara memasukkan not-not dengan bantuan perisian-perisian tertentu sebagai contoh perisian *Finale 2006* dan *Sonar 3 Production Edition*.

Selain itu penghasilan komposisi ini dapat membantu mengenalpasti kaedah-kaedah yang digunakan sepanjang penghasilan komposisi *jingle* yang berkaitan dengan Taman Jubli Bukit Aup dan Kempen Anti-Alkohol ini. Kaedah-kaedah yang dimaksudkan adalah seperti

kaedah sepanjang penggambaran dijalankan yang mana pelbagai teknik-teknik yang dipelajari. Antaranya adalah seperti teknik mengendalikan kamera dengan betul dan teknik rakaman atau penggambaran secara visual yang betul. Kaedah-kaedah lain adalah seperti kaedah semasa proses suntingan dan menghasilkan melodi untuk kedua-dua komposisi ini menggunakan bantuan perisian yang sesuai.

1.5 BATASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, batasan kajian lebih tertumpu kepada Taman Jubli Bukit Aup dan juga Kempen anti-alkohol yang mana proses penggarannya akan merangkumi kawasan dalam dan luar lokasi. Penggambaran bagi Kempen Anti-Alkohol dilakukan di dua lokasi yang berasingan. Penggambaran di dalam lokasi melibatkan penggambaran di dalam rumah manakala penggambaran di luar lokasi pula merangkumi lokasi-lokasi seperti Hospital Sibu, Sarawak dan juga sebuah kedai kopi yang terletak di Bandar Sibu.

1.6 DEFINISI JINGLE

Berdasarkan kepada *wikipedia* yang telah mendefinisikan maksud *jingle* sebagai salah satu bentuk slogan yang dapat diingati yang mana ia akan dimulakan dengan melodi, terutamanya yang disiarkan di radio dan kadang kala di dalam televisyen yang berbentuk komersial.

Menurut Albert C et al. (1996), dalam buku yang berjudul '*The Radio & Television Commercial*', 3rd ed, telah mengemukakan definisi bagi *jingle* sebagai penghasilan versi muzikal yang agak kecil kandungannya serta ringkas dan perlu digunakan sebagai rangka rekaan atau pilihan kepada penutupan terakhir bagi sesuatu iklan.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Redfern (1985), yang berjudul 'Teknik Penerbitan Radio', hasil terjemahan Rahmah Hashim ada mengemukakan pengenalan stesen dan jinggal atau *jingle* lain selalunya menandakan berakhir atau bermulanya sesuatu program di stesen perdagangan. Celahan rancangan selalunya diikuti dengan jinggal untuk mengakhirkan atau menyambungkan rancangan. Selingan iklan, umpamanya mudah dikenalpasti dan berbeza dari bahan program.

Manakala menurut Schwarz C dan Seaton A. (1985), yang dipetik di dalam *Learners' Dictionary: an Intermediate Dictionary for Learners of English*, telah mengemukakan maksud *jingle* sebagai suatu rangkap atau melodi berirama yang mudah.

Menurut takrifan yang telah dikemukakan oleh Field pula (2000), yang dipetik di dalam *Career Opportunities In The Music Industry*, 4th ed, telah mengemukakan maksud *jingle* sebagai lagu atau melodi di dalam bidang komersial.

Manakala menurut Hawkins pula (2006), dalam Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, Edisi Keempat telah mengemukakan maksud *jingle* sebagai dendangan atau irama ringkas seperti yang terdapat di dalam iklan.

Definisi yang agak berbeza mengenai *jingle* telah dikemukakan oleh Jewler (1995), yang mana menurut beliau *jingle* merupakan versi singkat yang menarik dan mudah diingati atau lagu di dalam iklan.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

Dalam penyelidikan ini, terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan telah digunakan. Kajian lepas merupakan rujukan yang dibuat daripada kajian lepas yang telah dijalankan oleh para penyelidik. Walaupun tidak terdapat kajian lepas yang betul-betul berkaitan dengan tajuk kajian ini, beberapa kajian lepas yang mempunyai saling kaitan dengan tajuk kajian telah ditemui dan digunakan sekaligus mampu menerangkan maksud sebenar kajian ini dijalankan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Beall Eric (2004), yang berjudul '*Making Music Make Money -An Insider's Guide to Becoming your Own Music Publisher*'. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah mengungkapkan bahawa '...terdapat perbezaan yang jelas di antara apa yang kita dikenali sebagai *jingles*, yang mana satu bentuk muzik yang digubah untuk mengiklankan kempen dan juga lagu-lagu berbentuk pop'.

Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Redfern (1985), yang berjudul 'Teknik Penerbitan Radio', hasil terjemahan Rahmah Hashim ada menyatakan celahan ialah selingan yang digunakan di stesen perdagangan sebelum atau sesebuah rancangan untuk iklan, berita, cuaca dan pengumuman khidmat awam (lantaran itu digelar sebagai *commercial break, newsbreak* dan lain-lain).

Maklumat mengenai ‘*The Rules for Making Better Radio Commercials, Viewpoint111*’ yang ditulis oleh Hochstein iaitu di bawah tajuk buku berjudul ‘*Creative Strategy In Advertising*’, 5th ed, (1981) menyatakan pengiklanan yang berkaitan dengan khidmat awam adalah sebaliknya bertujuan untuk menggerakkan idea-idea berbanding dengan produk, dan ia bertujuan untuk memastikan sesuatu yang perlu dilaksanakan dengan segera, dan juga untuk menyokong keperluan dan inspirasi manusia.

Akhir sekali, bolehlah dirumuskan bahawa kajian lepas yang telah ditemui dan digunakan dalam kajian ini sesuai untuk menerangkan serta menyokong kajian tersebut walaupun tidak ada penyelidikan yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Kajian lepas yang dikemukakan ini mempunyai saling kaitannya sedikit sebanyak dengan tajuk kajian. Namun, ada kajian lepas yang dikaji secara tidak langsung atau tidak menyeluruh tetapi ada kaitannya dengan tajuk kajian ini.